

**MENINGKATKAN PRESTASI MURID TAHUN 5 JAYA DALAM PENULISAN
BAHASA MELAYU MENGGUNAKAN KAEDAH
PETA MINDA DAN KATA SOAL**

Oleh

Zalekha binti Haji Elie
Sek. Keb. Abang Aing,
95000 Sri Aman

Abstrak

Kajian tindakan ini adalah disasarkan kepada 6 orang murid Tahun 5 Jaya, Sekolah Kebangsaan Abang Aing, Sri Aman bagi meningkatkan lagi prestasi mereka dalam penulisan Bahasa Melayu menggunakan kaedah Peta Minda Dan Kata Soal. Kaedah yang digunakan dalam kajian ini adalah untuk melatih murid-murid melahirkan dan menghuraikan isi-isi penting yang berkaitan dengan tajuk karangan yang diberi. Kaedah pengumpulan data yang digunakan dalam kajian ini adalah melalui markah ujian semester dan 4 siri ujian dan, latihan harian. Kajian ini mendapati bahawa ada peningkatan dalam pencapaian murid-murid dari segi markah ujian mereka. Selain itu, kajian ini juga menunjukkan bahawa ada perubahan yang positif dalam amalan pengajaran saya sebagai guru yang mengajar mata pelajaran ini berbanding pengajaran saya sebelum ini.

PENGENALAN

Saya mendapat latihan perguruan di Maktab Perguruan Sarawak, Miri pada tahun 1991 hingga tahun 1993 dalam opsyen Pengajian Melayu Sekolah Rendah. Penempatan pertama saya ialah di Sekolah Kebangsaan Spaoh, Betong. Saya telah berkhidmat di sekolah tersebut dari tahun 1994 hingga tahun 2003. Saya mempunyai pengalaman mengajar Bahasa Melayu Tahap 1 selama 10 tahun iaitu semasa mengajar di sekolah tersebut.

Saya telah berpindah ke Sekolah Kebangsaan (SK) Abang Aing, Sri Aman pada tahun 2004 hingga sekarang. Di sekolah ini, saya diberi kepercayaan dan tanggung jawab untuk mengajar Bahasa Melayu Tahap 2 iaitu Tahun 4 dan Tahun 5. Pada mulanya saya rasa kurang yakin untuk mengajar Tahap 2 terutamanya Penulisan Bahasa Melayu. Ini disebabkan saya tidak ada pengalaman mengajar Tahap 2 bagi mata pelajaran tersebut sebelum ini.

Saya telah mengambil beberapa inisiatif agar pengajaran saya dapat memberi kesan yang positif terhadap pembelajaran dan pencapaian anak didik saya. Walau bagaimanapun, saya dapati pencapaian sebilangan murid-murid saya masih berada pada tahap yang sederhana. Saya yakin dan percaya bahawa prestasi murid-murid ini masih boleh dipertingkatkan lagi.

PERNYATAAN MASALAH

Saya mula mengajar mata pelajaran Bahasa Melayu untuk murid-murid kelas ini pada tahun 2004 iaitu semasa murid-murid kelas ini berada di Tahun 4. Saya masih lagi mengajar Bahasa Melayu kelas ini pada tahun ini (2005). Bilangan murid kelas ini ialah seramai 29 orang. Berdasarkan keputusan ujian Penulisan Bahasa Melayu Semester 2 2004 yang lalu, saya dapati masih ramai murid kelas ini mendapat gred C seperti yang digambarkan pada Jadual 1.

Jadual 1: Analisis Ujian Penulisan Bahasa Melayu Semester 2 2004

GRED	A (80-100)	B (60-79)	C (40-59)	D (20-39)	E (0-19)
BIL. MURID	5	13	11	0	0
PERATUS (%)	17	45	38	0	0

Berdasarkan Jadual 1, didapati 38% iaitu 11 daripada 29 orang murid kelas ini mencapai gred C. Analisis ini menunjukkan bahawa terdapat sebilangan besar murid kelas ini yang masih lagi sederhana pencapaian mereka dalam Penulisan Bahasa Melayu. Saya telah memulakan tinjauan awal kajian ini pada awal bulan Februari 2005 yang lalu. Melalui maklumat awal ini, saya telah meneliti dan mengenal pasti kelemahan murid-murid ini melalui latihan harian mereka. Rajah 1 merupakan salah satu latihan penulisan seorang daripada murid berkenaan.

Kemeriah/ di Majlis Hari Keluarga

Pada hari minggu yang lalu, sekolah saya telah mengadakan Majlis Hari Keluarga Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG) yang menganjurkan majlis ini. Tujuan majlis ini diadakan untuk mengeratkan hubungan di antara ibu bapa dan guru. ✓ 2

Saya dan ibu bapa saya tidak melepaskan peluang untuk durut serta. Ketika saya tiba, orang ramai telah membayangi pendang sekolah. Semua tetamu yang hadir berujah serigala yang tidak sabar lagi untuk mengambil bahagian dalam aktiviti. ✓ 2

PIBG bangga atas sambutan orang ramai. ^{Ini} melambatkan silap pribadi mereka. ✓

14

Rajah 1: Contoh latihan penulisan murid

Latihan tersebut menunjukkan murid berkenaan masih lemah mengemukakan isi-isi penting yang berkaitan dengan tajuk karangan. Oleh sebab kekurangan isi, murid-murid ini gagal untuk membuat huraian yang tepat dan berkaitan. Ada di antara mereka mengemukakan isi yang kabur dan kurang jelas. Ini menyebabkan isi karangan mereka terpesong dan terkeluar daripada tajuk. Kelemahan ini menyebabkan mereka tidak dapat menghasilkan karangan yang baik dan seterusnya menjejaskan markah mereka.

Terdapat dua sebab mengapa pencapaian murid-murid ini berada pada tahap yang agak rendah. Pertama, murid-murid ini masih belum dapat menguasai dengan baik kemahiran mengemukakan isi-isi penting serta membuat huraian terhadap isi-isi tersebut. Kedua, kaedah pengajaran yang saya gunakan selama ini kurang memberi kesan terhadap pemahaman mereka.

OBJEKTIF KAJIAN

Objektif kajian tindakan ini adalah untuk:

- i) meningkatkan kemahiran 6 orang murid mengemukakan isi-isi penting dalam Penulisan Bahasa Melayu, dan
- ii) menambah baik amalan pengajaran saya sebagai guru Penulisan Bahasa agar memberi kesan yang positif terhadap pemahaman murid melalui penggunaan Kaedah Peta Minda dan Kata Soal.

PERSOALAN KAJIAN

Saya telah memikirkan beberapa persoalan sebelum memulakan kajian ini. Antara persoalan-persoalan tersebut ialah:

- a) Mengapakah sebilangan besar murid kelas ini masih kurang mahir mengemukakan isi-isi penting yang berkaitan dengan tajuk karangan?
- b) Adakah kaedah yang saya gunakan sebelum ini kurang memberi kesan terhadap pemahaman murid-murid berkenaan?
- c) Apakah kaedah lain yang patut saya gunakan untuk membantu mereka mengatasi masalah ini?

KAEDAH PENGUMPULAN DATA

Kaedah pengumpulan data yang saya gunakan dalam kajian ini ialah melalui markah ujian semester, latihan harian murid dan markah 4 siri ujian. Pada awal bulan Februari 2005, saya telah mengumpul maklumat awal tentang kajian ini melalui keputusan ujian Penulisan Bahasa Melayu Semester 2 2004. Maklumat ini telah dianalisis dan hasilnya telah memberi gambaran yang jelas terhadap bilangan murid yang terlibat serta tahap pencapaian mereka. Berpandukan maklumat daripada tinjauan awal ini, saya telah meneliti buku latihan harian murid. Hasil daripada penelitian ini, saya telah memperolehi maklumat tentang kelemahan murid-murid ini. Seterusnya saya pun memulakan langkah untuk melaksanakan kajian ini pada 10.02.2005 (Khamis). Dalam pelaksanaan kajian ini, saya telah mengumpul data melalui 4 siri Ujian Penulisan Bahasa Melayu. Maklumat dalam bentuk markah telah dicatat dalam Borang Analisis Markah Latihan. Maklumat ini telah dianalisis dan keputusannya menunjukkan keberkesanan kaedah yang digunakan dalam kajian ini.

TINDAKAN DALAM KAJIAN

Saya telah merancang untuk melaksanakan kajian ini bermula dari awal bulan Februari 2005 hingga penghujung bulan Mei 2005. Saya telah mengenal pasti 6 orang murid untuk dijadikan subjek kajian ini. Saya melaksanakan pengajaran saya menggunakan Kaedah Peta minda dan Kata Soal. Saya memperuntukkan 2 waktu (60minit) pada setiap hari Khamis untuk melaksanakan p&p menggunakan kaedah ini. Saya menggunakan 1 waktu (30 minit) untuk perbincangan dan aktiviti pengajaran-pembelajaran menggunakan kaedah ini manakala 1 waktu (30 minit) untuk murid-murid membuat latihan penulisan. Saya akan membuat penilaian terhadap keberkesanan kaedah ini dengan mengadakan ujian pada hujung setiap bulan dalam tempoh kajian ini.

Sehari sebelum memulakan pengajaran, saya telah memberitahu murid tentang jenis karangan dan tajuk yang akan diajar supaya mereka membaca format dan beberapa contoh karangan yang berkaitan serta membuat rujukan tentang tajuk tersebut. Dengan cara ini, murid-murid sudah ada pengetahuan tentang karangan yang akan diperbincangkan nanti.

Saya telah melaksanakan beberapa langkah p&p menggunakan kaedah ini. Langkah-langkah p&p yang saya gunakan adalah seperti berikut.

- Set Induksi : Bersoal jawab tentang tajuk.
- Langkah 1 : Perbincangan tentang format karangan dan Kaedah Peta Minda dan Kata Soal yang digunakan untuk mencatat dan mencari isi-isi penting.
- Langkah 2 : Perbincangan tentang perenggan pendahuluan menggunakan kata soal.
- Langkah 3 : Menggunakan kata soal untuk mencari isi-isi penting.
Menggunakan peta minda untuk mencatat isi-isi penting.
- Langkah 4 : Perbincangan tentang perenggan penutup menggunakan kata soal.
- Langkah 5 : Latihan penulisan.
- Penutup : Rumusan tentang tajuk.

Saya memulakan langkah p&p dengan menyoal murid-murid tentang perkara yang berkaitan dengan tajuk karangan untuk menarik minat dan perhatian mereka.

Seterusnya di dalam langkah pertama, saya berbincang dengan murid-murid tentang format karangan (untuk karangan yang berformat sahaja). Selepas itu, saya menerangkan tentang penggunaan

Kaedah Peta Minda dan Kata soal (untuk p&p pertama kali menggunakan kaedah ini). Saya menjelaskan kepada murid-murid bahawa secara fizikalnya peta minda ini berbentuk seperti anak-anak ranting yang keluar daripada satu rumpun dan digunakan untuk mencatat isi-isi penting yang berkaitan dengan tajuk. Manakala kata soal pula digunakan untuk mengeluarkan dan menghuraikan isi serta memberi contoh yang berkaitan.

Di dalam langkah kedua, saya memulakan perbincangan dengan membincangkan perenggan pendahuluan. Saya menjelaskan kepada murid-murid bahawa dalam perenggan pendahuluan, murid-murid boleh menggunakan kata soal untuk menerangkan tentang tajuk atau mengemukakan isu semasa yang berkaitan dengan tajuk. Sebagai contoh dalam karangan yang bertajuk “ Cara Membalas Jasa Ibu Bapa”, saya telah meminta murid menggunakan kata soal **siapa** dan **apa**. Saya telah memilih subjek kajian untuk menjawab soalan-soalan tersebut.


Contoh soalan: Siapakah ibu bapa?
Contoh jawapan murid: Orang yang melahir dan membesarkan kita.

Contoh soalan: Apakah jasa ibu bapa kita?
Contoh jawapan murid: Memelihara dan memberi kita pelajaran.

Di dalam langkah ketiga, saya melatih murid-murid menggunakan kata soal yang sesuai untuk melahirkan isi-isi penting. Sebagai contoh, murid menggunakan kata soal **bagaimana** untuk mencari jawapan atau isi yang berkaitan dengan tajuk.

Contoh soalan: Bagaimanakah kita membalas jasa ibu bapa kita?
Contoh jawapan murid: Belajar bersungguh-sungguh.

Sekiranya jawapan yang diberikan itu tepat dan berkaitan, maka pujian dan tepukan diberikan kepada murid berkenaan. Murid tersebut atau murid lain dikehendaki mencatat isi yang telah dikemukakan tadi pada peta minda seperti yang ditunjukkan dalam Rajah 2.



Rajah 2: Contoh Peta Minda

Setelah mengemukakan beberapa isi penting yang berkaitan, murid dikehendaki menggunakan kata soal yang sesuai untuk menghuraikan isi tersebut. Sebagai contoh, murid boleh menggunakan kata soal **mengapa** untuk membuat huraian.

Contoh soalan: Mengapakah kita perlu belajar bersungguh-sungguh?
Contoh jawapan murid: Supaya berjaya dalam pelajaran.

Setelah menghuraikan tajuk, murid dikehendaki memberikan contoh yang berkaitan sebagai bukti huraian. Murid juga dikehendaki menggunakan kata soal yang sesuai untuk menyatakan contoh yang berkaitan.

Contoh soalan: Apakah perasaan ibu bapa apabila kita berjaya?
Contoh jawapan Murid: Bangga dan gembira.

Seterusnya di dalam langkah keempat, saya membimbing murid menulis bahagian penutup menggunakan kata soal yang sesuai untuk membuat rumusan tentang tajuk.

Sebagai contoh murid boleh menggunakan kata soal **mengapa** untuk memberi kesimpulan tentang keseluruhan isi yang telah diperbincangkan.

Contoh soalan: Mengapakah kita perlu membalas jasa ibu bapa kita?

Contoh jawapan murid: Kerana ibu bapa telah banyak berkorban kepada kita.

Untuk langkah yang terakhir, saya telah memberi latihan penulisan kepada murid-murid. Semasa membuat latihan, saya memberi bimbingan secara individu. Saya membimbing dan melatih mereka membina dan menyusun ayat dengan betul. Saya juga menggalakkan mereka menggunakan kata wacana seperti **oleh itu, tambahan pula, oleh yang demikian, selain daripada itu**, dan sebagainya untuk menyambung isi.

Setelah melaksanakan beberapa siri pengajaran-pembelajaran menggunakan kaedah ini dari awal bulan Februari 2005 hingga penghujung bulan Mei 2005, saya telah mengadakan 4 siri ujian. Ujian ini diadakan pada hujung setiap bulan dalam tempoh pelaksanaan kajian ini. Tujuan ujian ini diadakan adalah untuk mengkaji keberkesanan kaedah yang digunakan terhadap pencapaian subjek kajian dalam Penulisan Bahasa Melayu.

DAPATAN KAJIAN

Saya telah mengumpul markah-markah daripada 4 siri ujian yang telah diadakan. Markah-markah tersebut telah dicatat dalam Borang Analisis Markah ujian seperti Jadual 2.

Jadual 2: Analisis Markah Ujian Penulisan Bahasa Melayu

Bil.	Nama Murid	Tarikh Ujian							
		24. 02 . 05		22 . 03 . 05		28 . 04 . 05		12 . 05 . 05	
		M	G	M	G	M	G	M	G
1.	Alina	52	C	66	B	64	B	78	B
2.	Azrul	76	B	60	B	60	B	60	B
3.	Eliza	54	C	67	B	66	B	72	B
4.	Farina	46	C	68	B	72	B	74	B
5.	Ikmal	40	C	50	C	54	C	60	B
6.	Rosma	60	B	62	B	60	B	76	B

Berdasarkan analisis markah ujian pada Jadual 2, didapati markah Alina meningkat daripada gred C dalam ujian yang pertama kepada gred B dalam ujian-ujian yang seterusnya. Azrul telah mendapat gred B dalam keempat-empat ujian walaupun markahnya menurun sedikit tetapi pencapaiannya masih konsisten. Markah Eliza telah meningkat daripada gred C dalam ujian pertama kepada gred B dalam ujian-ujian berikutnya. Farina pula menunjukkan peningkatan markah yang agak baik. Markahnya telah meningkat daripada gred C dalam ujian pertama kepada gred B dalam ketiga-tiga ujian berikutnya. Pencapaian Ikmal pula kurang memuaskan. Murid ini masih mencapai gred C dalam ujian pertama, kedua dan ketiga. Murid ini hanya mendapat gred B dalam ujian yang terakhir. Rosma juga salah seorang daripada murid-murid ini yang telah mendapat gred B dalam kesemua ujian yang diadakan itu.

Secara keseluruhannya, pencapaian beberapa orang murid ini ada menunjukkan peningkatan. Walaupun murid-murid ini belum mencapai tahap cemerlang namun mereka telah menunjukkan pencapaian yang positif.

Saya juga telah menemubual beberapa orang murid berhubung dengan kaedah yang digunakan dalam kajian ini dan keputusan ujian mereka. Berikut merupakan transkrip temubual tersebut.

- Guru : Alina, cikgu nampak keputusan ujian Penulisan kamu meningkat berbanding dengan yang sebelum ini. Adakah kamu rasa lebih mudah untuk mencari isi-isi penting menggunakan kata soal dan peta minda?
- Alina : Ya, cikgu. Saya rasa lebih mudah mencari isi-isi penting menggunakan katasoal ni.
- Guru : Bagaimana pula dengan kamu Farina?
- Farina : Saya pun begitu juga cikgu.
- Guru : Ikmal, cikgu perhatikan pencapaian kamu kurang memuaskan berbanding dengan rakan-rakan kamu yang lain. Adakah kamu dapat menggunakan kata soal dan peta minda untuk mencari isi-isi penting bagi karangan kamu?
- Ikmal : Sikit-sikit cikgu. Saya tidak minat menulis karangan cikgu. Saya malas nak tulis panjang-panjang.
- Guru : Ikmal, walaupun kamu tidak berminat, kamu mesti berusaha bersungguh-sungguh kerana mata pelajaran ini akan dinilai dalam UPSR kelak.
- Ikmal : Baiklah, cikgu.
- Guru : Eliza, kamu suka tak menggunakan kata soal dan peta minda ni?
- Eliza : Suka juga cikgu.
- Guru : Mengapa kamu suka Eliza?
- Eliza : Senang nak cari idea.

Temubual saya dengan empat orang murid ini mendedahkan sikap mereka terhadap penggunaan kaedah ini. Saya dapati penggunaan peta minda dan kata soal dapat memudahkan mereka mencari isi-isi penting. Tiga orang daripada murid yang ditemubual ini bersetuju bahawa penggunaan kaedah peta minda dan kata soal telah membantu mereka mencari isi-isi penting. Salah seorang daripada mereka yang ditemubual menunjukkan sikap malas yang menjadi punca kelemahannya menguasai kemahiran dalam mata pelajaran ini.

REFLEKSI

Pada awal kajian ini, saya dapati subjek kajian kurang memberi kerjasama dan perhatian semasa perbincangan. Apabila disoal, mereka hanya memberi jawapan *tidak tahu* sahaja. Mereka kurang memberi tumpuan semasa saya memberi penerangan. Saya telah membuat teguran terhadap sikap mereka ini. Selepas beberapa siri pengajaran-pembelajaran menggunakan kaedah ini, mereka telah menunjukkan respon yang positif. Mereka telah berminat dalam aktiviti perbincangan. Saya sangat berpuas hati dengan sikap yang mereka tunjukkan itu serta peningkatan pencapaian mereka.

Saya dapati penggunaan kaedah peta minda dan kata soal dalam kajian ini ada memberi kesan yang positif terhadap pemahaman murid-murid saya. Kaedah ini dapat mempertingkatkan markah mereka ke tahap yang lebih tinggi lagi. Saya juga berpuas hati dengan hasil kajian ini kerana kaedah yang digunakan dalam amalan pengajaran saya telah menampakkan hasil yang memberansangkan berbanding dengan kaedah yang saya gunakan sebelum ini.

Saya bercadang untuk menggunakan kaedah ini untuk mencari isi-isi penting dalam Bahasa Melayu Pemahaman. Pada persepsi saya, kaedah ini juga sesuai digunakan untuk mencari isi-isi penting bagi petikan pemahaman. Saya juga akan terus menggunakan kaedah ini dalam Penulisan Bahasa Melayu kerana kaedah ini dapat memudahkan murid menguasai kemahiran untuk menghasilkan karangan yang baik.

Sebagai kesimpulannya, daripada kajian ini saya dapati sebagai seorang guru, saya perlu mempelbagaikan kaedah pengajaran-pembelajaran. Setiap kaedah yang kita gunakan ada kelebihan dan kelemahannya untuk digunakan kerana setiap orang murid kita berbeza dari berbagai segi. Saya berpuas hati dengan kajian ini kerana hasilnya telah memberi petanda yang baik untuk saya meneruskan lagi penyelidikan saya.

BIBLIOGRAFI

Bahagian Pendidikan Guru. (2001). *Garis panduan pelaksanaan kursus penyelidikan tindakan maktab perguruan*. Kuala Lumpur: Kementerian Pendidikan Malaysia.

Gan Teck Hock. (1999). Mencari titik keseimbangan di antara keunggulan teori dan kenyataan praktis: satu kes pelaksanaan pembelajaran koperatif dalam pengajaran matematik sekolah rendah. *Jurnal Penyelidikan Pendidikan Maktab Perguruan Sarawak*, Jilid 2, No 1, 68-85.

Jeffery anak Menggu. (2003). "Aya Du." Dalam *Prosiding Seminar Kajian Tindakan 2003, 8-9 Oktober 2003*. Terbitan bersama Maktab Perguruan Tun Abdul Razak, Samarahan dan Jabatan Pendidikan Bahagian Sri Aman, 133-147.

Khairuddin Ayip. (2003). *88 Karangan UPSR Tahun 4, 5, 6*. Petaling Jaya: Info-Didik Sdn. Bhd.

Kementerian Pendidikan Malaysia. (1999). *Buku Panduan Guru, Bahasa Malaysia Tahun 5*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Sazali Mat Saman. (2000). *Karangan UPSR. Petaling Jaya*: Pearson Education Malaysia Sdn. Bhd.